



MEMO PERHUBUNGAN
PEJABAT PENGARAH, HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II

Ruj. Kami: HQE2(SB)600-1/2/2JLD4~~65~~

Tarikh: 13 APRIL 2022

KEPADA	SEMUA KETUA JABATAN DAN UNIT
DARIPADA	PENGARAH HOSPITAL
PERKARA	KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PEKERJAAN LOKUM DI PREMIS SWASTA BAGI PAKAR & PEGAWAI PERUBATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Surat edaran Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dengan rujukan (21)JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.5: **PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR LOKUM BAGI PAKAR & PEGAWAI PERUBATAN**; bertarikh 8 April 2022, dan surat sebelumnya dengan rujukan (19)JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.5 bertarikh 17 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **KEBENARAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR LOKUM DI PREMIS SWASTA** bagi Pakar dan Pegawai Perubatan **ADALAH DIBENARKAN**. Sehubungan dengan itu, semua KELULUSAN untuk menjalankan pekerjaan luar lokum mestilah diajukan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sabah melalui Pengarah Hospital Queen Elizabeth II. Selain dari mekanisma pemantauan seperti yang digariskan dalam **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 10 tahun 2017; Garis Panduan Waktu Kerja Fleksi Bagi Pakar Perubatan Gred UD54** dan ke atas di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beberapa perkara perlu ditekankan dan dipatuhi seperti berikut:

- 2.1. Pakar tersebut perlu melengkapkan **Jadual Aktiviti Perkhidmatan Mingguan Bagi Pakar (Lampiran E1 seperti mana dalam pekeliling)** selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh mula Waktu Kerja Fleksi.
- 2.2. Pihak Hospital akan memantau aktiviti pegawai yang melaksanakan Waktu Kerja Fleksi di mana pegawai perlu berada di lokasi aktiviti yang telah **diluluskan sahaja** dalam tempoh hari kelonggaran contohnya dengan mewujudkan mekanisme pemantauan (**pegawai masih perlu mengetik kad perakam waktu seperti hari biasa sekiranya menjalankan aktiviti dalam fasiliti KKM ataupun mengemukakan bukti kehadiran bertugas di fasiliti swasta sekiranya menjalankan pekerjaan luar**);
- 2.3. **Menghantar jadual waktu pekerjaan luar lokum di fasiliti swasta kepada Pengarah Hospital selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh mula Waktu Kerja Fleksi;** dan
- 2.4. Pihak hospital akan memantau jadual aktiviti perkhidmatan mingguan bagi Pakar Perubatan bagi memastikan **tiada gangguan kepada kesinambungan perkhidmatan kepakaran di suatu jabatan/unit**.
- 2.5. **Pakar Perubatan atau Pegawai Perubatan** yang ingin menjalankan pekerjaan luar lokum haruslah memastikan ianya dibuat pada **waktu fleksi**

(bagi Pakar Perubatan) dan diluar waktu bekerja (Pakar dan Pegawai Perubatan tetap/kontrak), mempunyai Insuran (*Indemnity insurance*) dan perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital/Klinik Swasta tersebut adalah berdaftar dengan KKM.

3. Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat, kebenaran pekerjaan luar lokum akan ditarik balik pada bila-bila masa dan pihak tuan-adalah dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan penambahbaikan selanjutnya.

4. Oleh itu, sekiranya YBhg. Datuk/Mr/Dr/tuan/puan berhasrat untuk menjalankan pekerjaan luar lokum, **SILA KEMUKAKAN PERMOHONAN** bersama dokumen-dokumen seperti dibawah dan dihantar ke Unit Pengurusan Klinikal untuk tindakan selanjutnya:

- 4.1 Borang Permohonan Menjalankan Lokum (Lampiran 1)
- 4.2 Jadual Aktiviti Perkhidmatan Pegawai (Lampiran 1A)
- 4.3 Jadual Tugas Atas Panggilan
- 4.4 Surat Atau Dokumen Tawaran Pekerjaan Luar Daripada Fasiliti Luar,
- 4.5 Salinan Insurans Indemniti Perubatan; dan
- 4.6 Salinan Perakuan Amalan Tahun Semasa.

5. Bersama-sama ini dilampirkan juga **SENARAI SEMAK PERMOHONAN LOKUM (Lampiran 2A)** yang dikemaskini untuk rujukan.

6. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan **Dr Muhammad Nazif - Unit Pengurusan Klinikal**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DR. HJ. RAZAK BIN TAMBIA.D.K.) - MMC: 33167

Pengarah
Hospital Queen Elizabeth II

S.K.

1. TPH (Perubatan)
2. TPH (Pengurusan)
3. Unit Pengurusan Klinikal



Noted

Antank - Gail Apang

- Kemaskini di dalam sistem intranet

DR MUHAMMAD NAZIF BIN MD SHAH
MPM 74995

Ketua Penolong Pengarah (UD48)
Unit Pengurusan Klinikal
Hospital Queen Elizabeth II

20/4/2022



JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH BAHAGIAN PERUBATAN

Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Telefon : 088-265960 / 088-512555
Faks : 088-253072 / 088-211277
Portal Rasmi : jknsabah.moh.gov.my

Rujukan : (21) JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.5
Tarikh : 8 APRIL 2022

SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR LOKUM BAGI PAKAR & PEGAWAI PERUBATAN

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk dan surat Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Ruj: (19) JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.5 bertarikh 17 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa semua permohonan kelulusan untuk menjalankan pekerjaan luar lokum yang diterima oleh pejabat ini tidak dapat diproses selanjutnya kerana tidak memenuhi keperluan yang tertera dalam surat yang tersebut di atas. Pengarah Kesihatan Negeri telah menekankan agar pemantauan dilakukan untuk memastikan perkhidmatan sedia ada di fasiliti tuan tidak terjejas oleh aktiviti pekerjaan luar lokum tersebut.

3. Sehubungan itu, sekiranya pegawai tuan berhasrat untuk menjalankan pekerjaan luar lokum, sila kemukakan permohonan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- 3.1. Borang Permohonan Menjalankan Lokum (**Lampiran 1**);
- 3.2. Jadual Aktiviti Perkhidmatan Pegawai (**Lampiran 1A**)
(sila rujuk contoh);
- 3.3. Jadual Tugas Atas Panggilan;
- 3.4. Surat Atau Dokumen Tawaran Pekerjaan Luar Daripada Fasiliti Luar;
- 3.5. Salinan Insurans Indemniti Perubatan; dan
- 3.6. Salinan Perakuan Amalan Tahun Semasa.

4. Bersama-sama ini dilampirkan juga Senarai Semak Permohonan Lokum (**Lampiran 2A**) yang dikemaskinikan untuk rujukan tuan. Format *softcopy* Jadual Aktiviti Perkhidmatan Pegawai (**Lampiran 1A**) turut akan dihantar secara emel kepada tuan.

Segala perhatian dan kerjama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah, **DATUK DR. ABD KAHAR BIN ABD ASIS**

MD (UKM), MHA (UP)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

(DATUK DR. ABD KAHAR BIN ABD ASIS) MMC : 37055

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

SENARAI EDARAN:

HOSPITAL

1. Pengarah Hospital Queen Elizabeth
2. Pengarah Hospital Queen Elizabeth II
3. Pengarah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah
4. Pengarah Hospital Duchess Of Kent
5. Pengarah Hospital Tawau
6. Pengarah Hospital Mesra Bukit Padang
7. Pengarah Hospital Keningau
8. Pengarah Hospital Beaufort
9. Pengarah Hospital Lahad Datu
10. Pengarah Hospital Kuala Penyu
11. Pengarah Hospital Tuaran
12. Pengarah Hospital Pitas
13. Pengarah Hospital Kota Belud
14. Pengarah Hospital Kinabatangan
15. Pengarah Hospital Tambunan
16. Pengarah Hospital Kunak
17. Pengarah Hospital Semporna
18. Pengarah Hospital Ranau
19. Pengarah Hospital Tenom
20. Pengarah Hospital Sipitang
21. Pengarah Hospital Kudat
22. Pengarah Hospital Papar
23. Pengarah Hospital Kota Marudu
24. Pengarah Hospital Beluran

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
 Tingkat 3, Rumah Persekutuan,
 Jalan Mat Salleh,
 88590 Kota Kinabalu, Sabah.
 u.p: Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PAKAR PERUBATAN/PEGAWAI PERUBATAN

Saya No. Kad Pengenalan

Tempat berlugas

No. Pendaftaran Penuh No. Amalan Tahunan (Semasa)

Memohon kebenaran dan kelulusan untuk membuat lokum di Hospital/ Klinik/ fasiliti lain seperti di bawah

Untuk tempoh dari hingga.....

1..... 3.....

2.....

Saya berjanji akan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubahan Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan mengutamakan perkhidmatan dan integriti sektor awam serta bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa khasnya di waktu kecemasan. Saya faham Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati bercanggah dengan peraturan sedia ada.

(Tandatangan & Cop Pemohon)

Tarikh:

PERMOHONAN

Disokong

Tidak Disokong

Disokong

Tidak Disokong

(Tandatangan Ketua Unit)

Cop Rasmi Jabatan :

(Tandatangan Pengarah Hospital/
Pegawai Kesihatan Kawasan)

Cop Rasmi Jabatan :

Tarikh

Tarikh

KEPUTUSAN

Permohonan



Diluluskan* untuk tempoh hari gga

Tidak Diluluskan (Sila rujuk surat irangan)

Berikut adalah tempat amalan yang telah diluluskan

1..... 3.....

2.....

(Tandatangan Pengarah Kesihatan Negeri)

Cop Rasmi Jabatan

Tarikh:

Catatan: Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam surat Bahagian Perubatan, JKN Sabah No. () JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.
 Sila serahkan sesalinan borang ini kepada pemohon selepas mendapat kelulusan Pengarah Kesihatan Negeri

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LOKUM BAGI PEGAWAI PERUBATAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH**

Nama Pegawai :

Fasiliti :

Unit/ Jabatan :

Bil.	Perkara	✓ / X	Catatan
1.	Borang Permohonan Menjalankan Lokum (Lampiran 1) yang lengkap	<input type="checkbox"/>	
2.	Jadual Aktiviti Perkhidmatan Pegawai (Lampiran 1A)	<input type="checkbox"/>	
3.	Jadual tugas atas panggilan	<input type="checkbox"/>	
4.	Surat Atau Dokumen Tawaran Pekerjaan Luar Daripada Fasiliti Luar	<input type="checkbox"/>	
5.	Salinan Insurans Indemniti Perubatan	<input type="checkbox"/>	
6.	Salinan Perakuan Amalan Tahun Semasa	<input type="checkbox"/>	

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT TPKN (P)



Semakan Pengesahan Status Pendaftaran/ Pelesenan Fasiliti Swasta oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) JKN Sabah

Disemak Oleh :

Nama dan Cop

Tarikh:

ULASAN: *MEMENUHI SYARAT / TIDAK MEMENUHI SYARAT

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Nama dan Cop

Tarikh:

*Polong yang mana tidak berkaitan

JADUAL AKTIVITI PERKHIDMATAN PEGAWAI
 (CONT'D)

BULAN / TAHUN : MEI 2022
 NAMA PEGAWAI :

FASILITI : Hospital Queen Elizabeth

UNIT / JABATAN : Pembendaharan

HARI/WAKTU	8am	9am	10am	11am	12pm	1pm	2pm	3pm	4pm	> 5pm	JUMLAH
ISNIN	GENERAL OT		R	GENERAL OT		WARD ROUND	WARD ROUND		ACTIVE CALL SETIAP MINGGU		
SELASA	SCOPE	E	DEPARTMENT CME		WARD ROUND	WARD ROUND	WARD ROUND		WARD ROUND		
RABU	GRAND WARD ROUND	KLINIK PAKAR	H	WARD ROUND	WARD ROUND	MO TEACHING	LOKUM	LOKUM	LOKUM	LOKUM	1
KHAMIS	SCOPE	KLINIK PAKAR	A	WARD ROUND	WARD ROUND	HO TEACHING	HO TEACHING	HO TEACHING	HO TEACHING	HO TEACHING	1
JUMAAT	GENERAL OT	WARD ROUND	T	KLINIK PAKAR		KLINIK PAKAR		KLINIK PAKAR		KLINIK PAKAR	
SABTU	LOKUM		LOKUM		LOKUM		LOKUM		LOKUM		1
AHAD	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2

Disediakan oleh:

TANDATANGAN DAN
 COP PEGAWAI

Disahkan oleh:

TANDATANGAN DAN
 COP KETUA JABATAN

TARIKH PENGISIAN :
 ALAMAT EMEL :

TARIKH PENGESAHAN :
 ALAMAT EMEL :

NO.TELEFON :
 NO.TELEFON :

JADUAL AKTIVITI PERKHIDMATAN PEGAWAI

BULAN / TAHUN :
 NAMA PEGAWAI :
 FASILITI :
 UNIT/ JABATAN :

HARI/WAKTU	8am	9am	10am	11am	12pm	1pm	2pm	3pm	4pm	> 5pm	JUMLAH	
											ACTIVE CALL	PASSIVE CALL
ISININ						R						
SELASA						E						
RABU						H						
KHAMIS						A						
JUMAAT						T						
SABTU												
AHAD												

Disediakan oleh:

TARIKH PENGISIAN :
 TANDATANGAN DAN
 COP PEGAWAI

Disahkan oleh:

TARIKH PENGESAHAN :
 TANDATANGAN DAN
 COP KETUA JABATANTARIKH PENGISIAN :
 ALAMAT EMEI
 NO.TELEFONTARIKH PENGESAHAN :
 ALAMAT EMEI
 NO.TELEFON

JADUAL AKTIVITI PERKHIDMATAN MINGGUAN PAKAR KLINIKAL

BULAN / TAHUN :
 NAMA PAKAR :
 HOSPITAL :
 UNIT/ JABATAN :

HARI/WAKTU	8am	9am	10am	11am	12pm	1pm	2pm	3pm	4pm	>5pm	JUMLAH ACTIVE CALL SETIAP MINGGU
ISNIN						R					
SELASA						E					
RABU						H					
KHAMIS						A					
JUMAAT						T					
SABTU											JUMLAH PASSIVE CALL SETIAP MINGGU
AHAD											

Disediakan oleh:

TANDATANGAN DAN COP PAKAR :
TANDATANGAN DAN COP KETUA JABATAN :

TARIKH PENGISIAN :
 ALAMAT EMEL :
 NO.TELEFON :

TARIKH PENGESAHAN :
 ALAMAT EMEL :
 NO.TELEFON :

LAMPIRAN 1A

JADUAL AKTIVITI PERKHIDMATAN MINGGUAN PAKAR KLINIKAL

(CONT'D)

BULAN/ TAHUN : MET 2022
 NAMA PAKAR : Hospital Queen Elizabeth
 HOSPITAL : Pembedahan Am

HARI/WAKTU	8am	9am	10am	11am	12pm	1pm	2pm	3pm	4pm	> 5pm	JUMLAH ACTIVE CALL SETIAP MINGGU
ISNIN						R	GENERAL OT	WARD ROUND			
SELASA						E	DEPARTMENT ONE	WARD ROUND			
RABU			GRAND WARD ROUND			H	WARD ROUND	NO TEACHING	LORUM		1
KHAMIS			SCOPE			A	WARD ROUND	HO TEACHING			JUMLAH PASSIVE CALL SETIAP MINGGU
JUMAAT			GENERAL OT			T	WARD ROUND	KLINIK PAKAR			
SABTU									LORUM		
AHAD	-	-	-	-	-	-	-	-	LORUM		2

Disediakan oleh:

TANDATANGAN DAN COP PAKAR

Disahkan oleh:

TANDATANGAN DAN COP KETUA JABATAN

TARIKH PENGISIAN :

ALAMAT EMEL
NO.TELEFON :

TARIKH PENGESEAHAN :

ALAMAT EMEL
NO.TELEFON :



PENGARAH
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah



CERTIFIED MS ISO 9001:2008
Registration No: AR 4402
Telefon : 088-252469
Faks : 088-217716
Portal Rasmi : <http://jkn.sabah.moh.gov.my>

Ruj. Kami :(19) JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld. 5
Tarikh : **17** MAC 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Tuan/Puan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PEKERJAAN LOKUM DI PREMIS SWASTA

Perkara di atas adalah dirujuk dan surat Ruj: (11) JKN(SB)(P)100-1/44/5 Jld.2 bertarikh 2 Oktober 2020 adalah berkaitan.

2. Jabatan ini telah menerima sepucuk surat daripada beberapa orang pakar perubatan yang memohon kebenaran menjalankan pekerjaan luar lokum di premis swasta. Setelah perkara ini diteliti, adalah diputuskan bahawa sebagai syarat untuk membenarkan pekerjaan luar lokum dan pada masa yang sama memastikan perkhidmatan kepakaran di hospital kerajaan adalah tidak terjejas seperti berlakunya kes "back log", atau kes-kes yang tidak diperiksa pada waktu yang sepatutnya, pihak tuan perlu memperkuuhkan beberapa mekanisme pemantauan seperti yang digariskan dalam **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017 Garis Panduan Waktu Kerja Fleksi Bagi Pakar Perubatan Gred UD54 dan ke atas di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**. Walaupun pekeliling tersebut adalah berdasarkan kerja fleksi, namun mekanisme dalam pekeliling tersebut boleh dijadikan sandaran bagi memantau kerja lokum pegawai tuan secara keseluruhan.

3. Untuk makluman pihak tuan, seperti mana dalam **Perkara 5.1(i)** dalam surat pekeliling yang disebut di atas, pakar tersebut perlu melengkapkan **Jadual Aktiviti Perkhidmatan Mingguan Bagi Pakar** (Lampiran E1 seperti mana dalam pekeliling) selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh mula Waktu Kerja Fleksi.

4. Sebagai tindakan pemantauan, pihak tuan perlulah mematuhi **Mekanisma Pemantauan Pelaksanaan Waktu Kerja Fleksi Bagi Pakar Perubatan Gred UD54 Dan Ke Atas Di KKM** (Lampiran H seperti mana dalam pekeliling). Antara mekanisme adalah dalam **Perkara (ii)(b) dan (c)** iaitu:

- 4.1. Memantau aktiviti pegawai yang melaksanakan Waktu Kerja Fleksi di mana pegawai perlu berada di lokasi aktiviti yang telah diluluskan sahaja dalam tempoh hari kelonggaran contohnya dengan mewujudkan mekanisma pemantauan (pegawai masih perlu mengetik kad perakam waktu seperti hari biasa sekiranya menjalankan aktiviti dalam fasiliti KKM ataupun mengemukakan bukti kehadiran bertugas di fasiliti swasta sekiranya menjalankan pekerjaan luar);
- 4.2. Menghantar jadual waktu pekerjaan luar lokum di fasiliti swasta kepada Pengarah Hospital selewat-lewatnya **30 hari** sebelum tarikh mula Waktu Kerja Fleksi; dan

Ruj. Kami : (19) JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld. 5
Tarikh : 17 MAC 2022

- 4.3. Memantau jadual aktiviti perkhidmatan mingguan bagi Pakar Perubatan bagi memastikan tiada gangguan kepada kesinambungan perkhidmatan kepakaran di suatu jabatan/unit.
5. Sehubungan itu, pihak tuan perlu melaksanakan mekanisma pemantauan yang disebut di atas dan mengemukakan laporan (Lampiran I seperti mana dalam pekeliling) kepada **Timbalan Kesihatan Negeri Sabah (Perubatan)** secara bulanan. Semua pakar juga adalah diingatkan agar mematuhi syarat-syarat menjalankan pekerjaan luar lokum mengikut **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** dan **Garispanduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar Lokum** melalui Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5/2006 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2010.
6. Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat, kebenaran pekerjaan luar lokum akan **ditarikbalik** pada bila-bila masa dan pihak tuan adalah dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan penambahbaikan selanjutnya Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017 Garis Panduan Waktu Kerja Fleksi Bagi Pakar Perubatan Gred UD54 dan ke atas di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. ROSE NANI BINTI MUDIN)

MPM NO. 30325

Pengarah Kesihatan Negeri

s.k.

- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

SEPERTI SENARAI EDARAN

Pengarah Hospital
Hospital Queen Elizabeth

Pengarah Hospital
Hospital Queen Elizabeth II

Pengarah Hospital
Hospital Duchess Of Kent, Sandakan

Pengarah Hospital
Hospital Tawau

Pengarah Hospital
Hospital Keningau

Pengarah Hospital
Hospital Mesra Bukit Padang

Pengarah Hospital
Hospital Lahad Datu

Pengarah Hospital
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah

